

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

SOALAN : 24

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha-usaha berterusan Kementerian untuk menambah baik capaian internet di sekolah-sekolah dalam Parlimen Sik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan capaian Internet ke sekolah-sekolah di seluruh negara termasuk di Parlimen Sik adalah dilaksanakan melalui projek 1BestariNet yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia seperti projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband – HSBB*) dan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband – SUBB*) yang mampu memberi capaian internet jalur lebar kepada sebahagian sekolah-sekolah di seluruh negara. Dalam hal ini, perkhidmatan jalur lebar di sekolah-sekolah yang berada di kawasan liputan akan dapat dipertingkatkan, jika ada permintaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian merancang untuk melaksanakan sebanyak 33,280 sambungan port di negeri Kedah di mana sebanyak 1,552 sambungan port daripadanya adalah terletak di Daerah Sik yang akan dapat menyediakan perkhidmatan Internet dengan kelajuan sehingga 20Mbps.

SOALAN NO : 24

Buat masa ini, terdapat satu (1) ibu sawat yang terletak di Bandar Sik sedang dinaik taraf bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar di bawah projek SUBB yang melibatkan sebanyak 744 sambungan port pada tahun semasa.